## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 18 JANUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12. | MALAYSIA-CHINA PERKUKUH HUBUNGAN MENERUSI BIDANG PERTANIAN, NASIONAL, SH -12<br>MALAYSIA-CHINA PERKUKUH HUBUNGAN BIDANG PERTANIAN, MALAYSIA MSN -ONLINE<br>MAFS CADANG WUJUDKAN 'ONE STOP CENTRE' DI SABAH, SABAH BARU NEWS -ONLINE<br>PUSAT SEHENTI SELARASKAN HAL PERTANIAN ANTARA KEMENTERIAN DAN KERAJAAN SABAH, SABAH GAZETTE -ONLINE<br>MALAYSIA BINCANG POTENSI JAGUNG BIJIAN DENGAN BRAZIL, MSN -ONLINE<br>MALAYSIA AND CHINA DISCUSS AGRICULTURAL COOPERATION, NATION, CHINA PRESS -A3<br>MAT SABU: MAFS RECEIVES LOWEST RATING FROM THE PUBLIC AS RESENTMENT BUILDS OVER EGG AND, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2<br>MINISTRY'S NEW YEAR MANDATE FOCUSES ON FOOD SECURITY, BUSINESS, BORNEO POST (KUCHING) -A2<br>MAT SABU: PEOPLE HAD POOR IMPRESSION TO AGRICULTURE MINISTRY, NATION, CHINA PRESS -A3<br>CHINA HELPS MALAYSIA ERADICATE POVERTY, NATION, SIN CHEW DAILY -13<br>KEKURANGAN BEKALAN TELUR DI PASARAN NEGARA SEMAKIN PULIH - MOHAMAD SABU, SABAH NEWS -ONLINE<br>MINISTRY'S NEW YEAR MANDATE FOCUSES ON FOOD SECURITY, BUSINESS, BORNEO POST (KK) -A2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS) |
| 13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18. | DEMAM BABI AFRIKA SEMAKIN SERIUS, 11 LADANG DIJANGKITI, DALAM NEGERI, UM -13<br>WABAK ASF DI PULAU PINANG MAKIN SERIUS, NEGARA, KOSMO -14<br>PENULARAN ASF KIAN MERUNCING, NEGERI P.PINANG, SH -25<br>4 LAGI LADANG BABI KENA JANGKITAN ASF, NASIONAL, BH -17<br>11 LADANG KHINZIR SUDAH TERKESAN, LOKAL, HM -10<br>FOUR MORE PIG FARMS HIT BY ASF, NEWS, NST -8 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 19 | MMEA DETAINS FIVE INDONESIANS FOR WORKING LOCAL FISHING BOAT WITHOUT PERMITS, NEWS, TAMIL MALAR -3 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 20. | USAHA STABILKAN BARANG KEPERLUAN, SELANGOR KINI -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 21.<br>22. | MAXIS, MARDI TO WORK TOGETHER TO PLANT SMART SOLUTIONS IN AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE<br>MAXIS, MARDI BEKERJASAMA BANGUNKAN INOVASI DALAM SEKTOR PERTANIAN, DAGANG NEWS -ONLINE | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 23. | URBAN FARMS HOLD KEY TO FOOD SECURITY, SPEAK UP, THE SUN -9 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Malaysia-China perkukuh hubungan menerusi bidang pertanian



Mohamad Sabu menyampaikan cenderahati kepada Ouyang Yujing.



Mohamad Sabu (enam dari kanan) dan Lokman Hakim (lima dari kanan) bergambar bersama Ouyang Yujing (enam dari kiri).



Ouyang Yujing (dua dari kiri) membincangkan kerjasama dua hala Malaysia-China menerusi bidang pertanian.

**PUTRAJAYA** – Hubungan baik antara Malaysia dan China akan terus diperkukuh khususnya dalam bidang pertanian.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dalam kenyataannya berkata, kerjasama baharu itu dibentuk hasil daripada pertemuan Menteri MAFS, Mohamad Sabu dengan Duta Besar Republik Rakyat China, Ouyang Yujing yang berkunjung ke Putrajaya pada Selasa.

"Pertemuan pertama ini membincangkan cadangan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian antara kedua-dua negara seperti pertanian moden dan penyelidikan pertanian.

"China juga bersedia untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam polisi berkaitan pembasmian kemiskinan melalui program pertanian, mewujudkan pasaran komoditi dan rantaian nilai makanan yang mampan serta penggunaan pertanian pintar dalam pengeluaran bijirin," kata kenyataan itu pada Selasa.

Menurut kenyataan itu lagi, kedua-dua negara turut bersedia memperkukuhkan perdagangan dua hala dalam bidang pertanian selaras dengan keperluan bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

"Malaysia berharap agar China akan terus berkongsi kejayaan dengan rakan-rakan dagang bagi mencapai kemakmuran bersama terutamanya dalam bidang pertanian," katanya.

Pertemuan berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha (KSU) MAFS, Datuk Lokman Hakim Ali dan pegawai-pegawai kanan serta Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, wakil-wakil Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/1/2023 | MALYSIA MSN | ONLINE | |

# Malaysia, China perkukuh hubungan bidang pertanian



Mohamad Sabu (enam dari kanan) bersama pegawai MAFS bergambar kenangan bersama TYT Ouyang Yujing (enam dari kiri).© Provided by Sinar Harian



Mohamad Sabu menyampaikan cenderahati kepada TYT Ouyang Yujing.© Provided by Sinar Harian



TYT Ouyang Yujing (dua dari kiri) membincangkan kerjasama dua hala Malaysia-China menerusi bidang pertanian.© Provided by Sinar Harian

PUTRAJAYA – Hubungan baik antara Malaysia dan China akan terus diperkukuh khususnya dalam bidang pertanian.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dalam satu kenyataan memaklumkan, kerjasama baharu itu dibentuk selepas hasil pertemuan Menteri MAFS, Mohamad Sabu dengan Duta Besar Republik Rakyat China, TYT Ouyang Yujing yang berkunjung ke Putrajaya pada Selasa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2023 | SABAH BARU NEWS | ONLINE | |

# MAFS cadang wujudkan 'one stop centre' di Sabah



**Dalam pada itu, Foong Hin berkata, bagi menjayakan agenda keterjaminan makanan negara, MAFS menggariskan lima hala tuju untuk tahun ini.**

KOTA KINABALU : Sebuah Pusat Sehenti bagi menempatkan semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dicadang untuk diwujudkan di negeri ini.

Timbalan Menteri MAFS Chan Foong Hin berkata, ia termasuklah wakil jabatan yang akan menyelaras semua info terkini berkenaan inisiatif Kementerian dan Kerajaan Sabah berkenaan hal pertanian.

"Pusat ini juga akan dapat menjadi satu saluran bagi kita untuk mendapatkan maklum balas terus daripada rakyat.

"Mana-mana langkah yang mendapat penerimaan baik akan kita teruskan, mana yang tidak baik, kita akan tambah baik lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 bagi agensi di bawah MAFS di negeri Sabah di sini pada hari selasa ini.



Foong Hin berkata, pihaknya turut memberi penekanan bahawa pendekatan keseluruhan Kerajaan amat penting dalam menyahut cabaran keterjaminan makanan negara.

Katanya, warga Kementerian dan jabatan-jabatan perlu bergerak sebagai satu pasukan agar ianya akan dapat melakar lembaran baru dalam membangunkan bidang pertanian negara.

"Tekad Kementerian untuk memantapkan kerjasama dengan Kerajaan Sabah adalah dengan kesinambungan pendekatan Kerajaan Perpaduan untuk mengangkat semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

"Kementerian akan meneruskan galakan dan sokongan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, pembangunan infrastruktur, mahupun latihan kepada masyarakat yang berminat untuk menceburi bidang agrokeusahawanan di Sabah

Dalam pada itu, Foong Hin berkata, bagi menjayakan agenda keterjaminan makanan negara, MAFS menggariskan lima hala tuju untuk tahun ini.



Katanya, ia termasuklah memperkasakan industri akuakultur, memperluaskan penternakan lembu secara fidlot, memulakan penanaman jagung bijian (grain corn), mempertingkatkan penglibatan golongan belia dan memperkasakan institut latihan pertanian.

"MAFS juga akan memberi fokus kepada meningkatkan penglibatan belia dalam sektor agromakanan dan pertanian pintar selaras dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dan memperkasakan institut latihan pertanian dalam misi melahirkan graduan yang berkualiti tinggi dalam bidang teknologi pertanian, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pertanian moden," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2023 | SABAH GAZETTE | ONLINE | |

# Pusat Sehenti Selaraskan Hal Pertanian Antara Kementerian Dan Kerajaan Sabah




KOTA KINABALU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) mencadangkan agar sebuah pusat sehenti diwujudkan di Sabah bagi menyelaraskan hal berkaitan pertanian antara kementerian itu dan kerajaan Sabah.

Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin, berkata pusat itu akan menempatkan semua agensi MAFS dan wakil jabatan bagi menyelaraskan semua maklumat terkini berkenaan inisiatif kementerian dan kerajaan negeri berkenaan hal pertanian.

"Di Sabah, pertanian ada yang di bawah kerajaan negeri dan sebahagian seperti (pemberian) geran lebih kepada kerajaan Persekutuan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat Tahun Baharu 2023 MAFS di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, di sini, pada Selasa.

Katanya, pusat sehenti, yang akan diwujudkan di Kota Kinabalu, itu juga akan menjadi saluran untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat.

Dalam pada itu, Chan berkata, Agrobank telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk dua program iaitu Agropreneur Muda dan Kebun Komuniti di Sabah.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata kemudahan pembiayaan itu terbuka kepada belia yang berumur 40 tahun ke bawah.

Beliau berkata melalui pembiayaan itu akan memperkasakan seruan MAFS dengan menggunakan kaedah pertanian moden.

"Melalui peruntukkan ini dianggarkan seramai 200 peserta dan boleh memohon di mana-mana cawangan Agrobank terdekat," katanya. – BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2023 | MSN | ONLINE | |

# Malaysia bincang potensi jagung bijian dengan Brazil

SHAH ALAM - Jagung bijian atau Grain Corn merupakan topik utama perbincangan antara Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Mohamad Sabu dan Duta Besar Brazil di Malaysia, Ary Norton De Murat Quintella di Putrajaya pada Selasa.



Mohamad (kanan) meraikan Ary Norton De Murat Quintella yang membuat kunjungan di MAFS, Putrajaya pada Selasa.© Provided by Sinar Harian

Ia merupakan pertemuan pertama antara kedua-dua pemimpin itu di mana Brazil adalah rakan dagang Malaysia yang sentiasa bergiat aktif dalam memperkukuhkan hubungan perdagangan pertaniannya.

MAFS dalam satu kenyataan memaklumkan, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2022, nilai import produk pertanian dan makanan dari Brazil adalah sebanyak RM4.32 bilion.

"Malaysia turut mengimport daging dari Brazil, selain daripada produk bijirin dan makanan ternakan. Kita sentiasa mengalu-alukan sokongan dan kerjasama yang baik dari Brazil dalam meningkatkan keupayaan sumber makanan negara.

"Ia termasuklah kerjasama melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam teknologi pertanian, terutamanya dalam meningkatkan pengeluaran bijirin jagung, industri tanaman yang berpotensi, industri kelapa dan teknologi akuakultur," menurut kenyataan itu.

MAFS memaklumkan, kedua-dua negara juga turut bersedia untuk memberikan komitmen untuk memperkukuhkan perdagangan dua hala dalam bidang pertanian, selaras dengan matlamat untuk menjamin sumber makanan yang mapan dan berterusan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Malaysia and China discuss agricultural cooperation | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 18 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 153 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,018 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,054 |



# 馬中討論農業合作

## 歐陽玉靖拜會末沙布



■莫哈末沙布（左）接见到访的欧阳玉靖。

（布城17日讯）农业及食品安全部指出，我国和中国就农业领域特别是现代农业和农业研究领域的双边合作，进行了讨论。

该部发表文告指出，中国驻马大使欧阳玉靖今日前来拜会农业及食品安全部长莫哈末沙布。

文告说，中国愿意分享通过农业项目推动扶贫计划的相关政策和经验、建立可持续的商品市场和食品价值链和粮食生产中使用智慧农业技术。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: MAFS receives lowest rating from the public as resentment builds over egg and | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 18 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 165 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,075 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,226 |





莫哈末沙布（右二）与农业部职员交流；右为陈泓缣及左二是哈丝丽娜。

# 人民打分农业部最差

## 末沙布：蛋与鸡缺货积怨气

（吉隆坡17日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布指出，日前的内阁特别会议公布人民对所有部门观感分数，农业部得分最低。

他昨日发表部门新年献词后说，他对此不感惊讶，因为鸡肉和鸡蛋供应不足的问题已持续一年，这并非团结政府12月执政后才发生的事。

"实际上，这个分数反映的是上届政府延续到现在的表现。"

他说，农业部已尝试解决问题，目前鸡肉供应已稳定，预计鸡蛋供应很快也会稳定下来。

"我们不能因为人民抱怨而感到生气，因为那是他们的权利，因此作为政府，我们要迅速采取行动，来稳定这些物品的供应。"

出席者包括农业及粮食安全部副部长陈泓缣和秘书长拿督哈丝丽娜等。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry`s new year mandate focuses on food security | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 18 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Business | Circulation | 60,767 |
| Page No | A2 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 281 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,832 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 11,496 |





Sabu stated that food security is one of the priorities of the Unity Government and the renaming of the ministry to Ministry of Agriculture and Food Security, is the first step to support this aspiration in line with the objectives of the National Food Security Policy Action Plan 2021-2025 and the National Agro-Food Policy 2021-2030.

# Ministry's new year mandate focuses on food security

PUTRAJAYA: The Minister of Agriculture and Food Security's (MAFS) new year mandate themed 'Sustainability of the national agro-food sector is the core of driving global crisis challenges' was officiated by the Minister of Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu, recently.

According to Sabu, the theme is a manifestation of the Ministry's role as a guarantor of the national food supply so that it is always sufficient and available for all Malaysians.

In his speech, Sabu stated that food security is one of the priorities of the Unity Government and the renaming of the ministry, formerly known as the Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI), now rebranded as the Ministry of Agriculture and Food Security (MAFS), is the first step to support this aspiration in line with the objectives of the National Food Security Policy Action Plan 2021-2025 and the National Agro-Food Policy 2021-2030 (DAN 2.0).

In order to make the national food security agenda a success, the ministry outlined five main directions and focuses in 2023, namely empowering the aquaculture industry by targeting an increase in fish yield from aquaculture activities to 60 per cent, expanding cattle farming in feedlots to meet local meat supply needs and exports so that the local meat production target will be able to be increased to 50 per cent by 2025, and thirdly, starting the cultivation of grain corn to reduce 30 per cent of import dependence.

The ministry will also focus on increasing the involvement of youth in the agro-food sector and smart agriculture in line with the Fourth Industrial Revolution (IR4.0).

It also aims to empower agricultural training institutes in the mission of producing high-quality graduates in the field of agricultural technology, research and development (R&D) and modern agriculture in line with the country's desire to create skilled agricultural workers.

"The chicken supply issue that happened before has already recovered and is under control. This is where I would like to emphasize the importance of the ministry's role in identifying long-term and short-term mitigation measures in an effort to overcome the lack of food supply when a crisis occurs in the future.

"High dependence on imported food needs to be minimized in an effort to improve food security and stabilise supply prices. The food supply crisis that began to hit the world shows that it is time that this issue is given serious attention by the responsible parties to ensure that every citizen has access to sufficient food at any time for a healthy life," Sabu said.

Through the outlined hopes and goals, Sabu hopes that these can be supported by a change in attitude and mentality highlighted by the ministry's people and target groups.

Also present at this mandate ceremony were the Deputy Minister of Agriculture and Food Security Chan Foong Hin, MAFS Secretary General Datuk Haslina Abdul Hamid and other senior officials of the ministry.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu : People had poor impression to agriculture ministry | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 18 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 99 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,953 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,858 |



## 人民對部門觀感分數

# 末沙布：農業部最低

（吉隆坡17日讯）农业及食品安全部长莫哈末沙布声称，日前的内阁特别会议公布人民对所有部门观感分数，获得最低分的是他掌管的农业部。

不过他指出，自己对此并不感到惊讶，因为过去一年多来，鸡蛋供应一直都是全国关注的问题。

“鸡肉和鸡蛋供应不足的问题已持续一年，这不是团结政府12月执政后才发生的事。

“实际上，这个分数反映的是上届政府延续到现在的表现。”

末沙布昨天发表部门新年献词后指出，就是因为上述情况，他才对政府首席秘书丹斯里莫哈末祖基公布的相关分数并不感到意外。

他说，农业及食品安全部已尝试解决问题，目前鸡肉供应已经稳定，预计鸡蛋供应很快也会稳定下来。

“我们不能因为人民抱怨而感到生气，因为那是他们的权利，因此作为政府，我们要迅速采取行动，来稳定这些物品的供应。”

出席者包括农业及食品安全部副部长陈泓缣和秘书长拿督哈丝丽娜等。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | China helps Malaysia eradicate poverty | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 18 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 13 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 134 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,061 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,182 |



# 歐陽玉靖：共享經驗知識 中助馬落實扶貧



末沙布（左）接待欧阳玉靖，探讨有关两国农业领域合作建议。（农粮部提供）

（布城17日讯）中国驻马大使欧阳玉靖指出，中国愿意通过分享农业相关的经验和专业知识，帮助我国落实扶贫计划，加强两国之间关系。

欧阳玉靖今日首次与农业及粮食安全部长莫哈末沙布见面，讨论有关两国之间农业科研领域的双边合作建议。

欧阳玉靖表示，中国将帮助大马创造可持续食品价值链市场以及提升智能农业在粮食生产中的使用。

另一方面，末沙布提到，马中两国还准备加强双边贸易，保障粮食来源的可持续性。

“马来西亚希望中国继续与我国分享成功心得及贸易伙伴，以实现共同繁荣的目标。”

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2023 | SABAH NEWS | ONLINE | |

# Kekurangan Bekalan Telur Di Pasaran Negara Semakin Pulih – Mohamad Sabu



Gambar sekadar hiasan...

PUTRAJAYA – Kekurangan bekalan telur di pasaran negara ini semakin pulih susulan langkah sementara yang diambil kerajaan membenarkan telur diimport, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu.

Beliau berkata ini terbukti apabila data daripada Jabatan Veterinar menunjukkan kekurangan telur pada Disember lepas hanyalah sebanyak sejuta, berbanding situasi kekurangan kritikal sebelum itu iaitu November sebanyak 157 juta dan 118 juta pada Oktober.

***"Saya melapor diri di MAFS (Pertanian dan Keterjaminan Makanan) pada 5 Dis lepas. Selepas mendengar taklimat tentang situasi semasa bekalan telur, saya bersama pengurusan tertnggi MAFS bertemu beberapa pengeluar utama telur untuk mencari jalan penyelesaian terbaik supaya bekalan dapat dipulihkan...***

***"Data yang saya peroleh daripada Jabatan Veterinar menunjukkan kekurangan telur agak kritikal pada Oktober dan November 2022. Alhamdulillah, sekarang bekalan ayam dan telur sudah mula pulih, insya-Allah akan kembali stabil tidak lama lagi,"*** katanya dalam satu kenyataan.




**Mohamad Sabu...**

Disember lepas, kerajaan membenarkan kemasukan telur ayam dari India menerusi laluan udara sebagai fasa percubaan bagi memastikan telur ayam yang diimport menepati piawaian yang ditetapkan.

Mengenai cadangan supaya kerajaan menghentikan eksport telur, Mohamad berkata langkah itu tidak dapat dilakukan kerana kenaikan mendadak kos makanan ayam yang diimport dan kawalan harga yang terlalu lama hingga menekan pengeluar telur tempatan.

***"Mereka (pengeluar telur) sangat mengharapkan hasil ekspot telur untuk menampung kerugian dialami di pasaran tempatan kerana kawalan harga dikenakan terlalu lama dan boleh menyebabkan banyak syarikat terpaksa menghentikan operasi,"*** katanya.

Bagi menyelesaikan isu berkenaan, Mohamad berkata MAFS telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Kementerian Kewangan selain mencadangkan agar subsidi bersasar diberikan kepada rakyat memerlukan, sebelum harga telur diapungkan semula.

**– BERNAMA**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry`s new year mandate focuses on food security | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 18 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Business | Circulation | 18,290 |
| Page No | A2 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 292 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,628 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 4,884 |






Sabu stated that food security is one of the priorities of the Unity Government and the renaming of the ministry to Ministry of Agriculture and Food Security, is the first step to support this aspiration in line with the objectives of the National Food Security Policy Action Plan 2021-2025 and the National Agro-Food Policy 2021-2030.

# Ministry's new year mandate focuses on food security

**PUTRAJAYA:** The Minister of Agriculture and Food Security's (MAFS) new year mandate themed 'Sustainability of the national agro-food sector is the core of driving global crisis challenges' was officiated by the Minister of Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu, recently.

According to Sabu, the theme is a manifestation of the Ministry's role as a guarantor of the national food supply so that it is always sufficient and available for all Malaysians.

In his speech, Sabu stated that food security is one of the priorities of the Unity Government and the renaming of the ministry, formerly known as the Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI), now rebranded as the Ministry of Agriculture and Food Security (MAFS), is the first step to support this aspiration in line with the objectives of the National Food Security Policy Action Plan 2021-2025 and the National Agro-Food Policy 2021-2030 (DAN 2.0).

In order to make the national food security agenda a success, the ministry outlined five main directions and focuses in 2023, namely empowering the aquaculture industry by targeting an increase in fish yield from aquaculture activities to 60 per cent, expanding cattle farming in feedlots to meet local meat supply needs and exports so that the local meat production target will be able to be increased to 50 per cent by 2025, and thirdly, starting the cultivation of grain corn to reduce 30 per cent of import dependence.

The ministry will also focus on increasing the involvement of youth in the agro-food sector and smart agriculture in line with the Fourth Industrial Revolution (IR4.0).

It also aims to empower agricultural training institutes in the mission of producing high-quality graduates in the field of agricultural technology, research and development (R&D) and modern agriculture in line with the country's desire to create skilled agricultural workers.

"The chicken supply issue that happened before has already recovered and is under control. This is where I would like to emphasize the importance of the ministry's role in identifying long-term and short-term mitigation measures in an effort to overcome the lack of food supply when a crisis occurs in the future.

"High dependence on imported food needs to be minimized in an effort to improve food security and stabilise supply prices. The food supply crisis that began to hit the world shows that it is time that this issue is given serious attention by the responsible parties to ensure that every citizen has access to sufficient food at any time for a healthy life," Sabu said.

Through the outlined hopes and goals, Sabu hopes that these can be supported by a change in attitude and mentality highlighted by the ministry's people and target groups.

Also present at this mandate ceremony were the Deputy Minister of Agriculture and Food Security Chan Foong Hin, MAFS Secretary General Datuk Haslina Abdul Hamid and other senior officials of the ministry.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/1/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 13 |

# Demam babi Afrika semakin serius, 11 ladang dijangkiti

**GEORGE TOWN:** Wabak demam babi Afrika (ASF) di negeri ini semakin serius dengan sebanyak 11 ladang babi komersial dikesan positif wabak itu setakat semalam.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, sebelum ini tujuh ladang dijangkiti namun meningkat selepas empat lagi ladang iaitu masing-masing dua di Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) disahkan positif wabak berkenaan.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) meneruskan kerja-kerja persampelan dan mendapati sehingga kini ada 11 ladang yang positif wabak berkenaan.

"Setakat ini, tiga buah ladang membabitkan 4,000 ekor babi selesai dilupuskan dan pelupusan diteruskan ke ladang-ladang yang lain," katanya selepas menghadiri majlis perhimpunan anggota perkhidmatan awam di Dewan Sri Pinang, di sini semalam.

Jumaat lalu, Pulau Pinang mengisytiharkan wabak ASF sebagai 'bencana' selepas terdapat kes positif ASF dilaporkan di lima ladang babi komersial di dua daerah negeri itu dan babi yang dijangkiti dimusnahkan secara berperingkat.

Kon Yeow meminta pemilik ladang bekerjasama dengan JPV bagi memastikan wabak ASF tidak merebak ke kawasan lain.

"Terdapat pemilik ladang yang dikesan enggan melaporkan kes positif ASF kepada JPV dan mereka cuba menguruskan sendiri pengurusan bangkai babi di ladang mereka.

"Ini adalah berbahaya kerana virus berkenaan sudah berada di kawasan berkenaan, wabak ini juga tidak mempunyai sebarang vaksin dan boleh merebak dengan mudah," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Mohd. Shuhaily Mohd. Zain berkata, polis menjalankan empat sekatan jalan raya (SJR) iaitu satu di kawasan SPT dan tiga di SPS.

"SJR tersebut bagi mengawal pergerakan masuk babi hidup dan bangkai babi di kawasan yang disahkan positif wabak tersebut," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/1/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# Wabak ASF di Pulau Pinang makin serius

**GEORGE TOWN** – Penyakit Demam Babi Afrika (ASF) di negeri ini dilaporkan semakin serius apabila 11 ladang babi komersial telah dikesan positif wabak berkenaan setakat semalam.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, sebelum ini tujuh ladang telah dijangkiti wabak itu, namun jumlahnya meningkat selepas empat lagi ladang iaitu masing-masing dua di Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) disahkan positif ASF.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) meneruskan kerja-kerja persampelan dan mendapati sehingga kini ada 11 ladang yang positif wabak berkenaan.

"Setakat ini, tiga buah ladang membabitkan 4,000 ekor babi telah selesai dilupuskan dan pelupusan akan diteruskan ke ladang-ladang yang lain selepas ini," katanya pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam di Dewan Sri Pinang, di sini semalam.

Jumaat lalu, Pulau Pinang mengisytiharkan wabak ASF sebagai 'bencana' selepas terdapat kes positif dilaporkan di lima ladang babi komersial di dua daerah negeri itu dan babi yang dijangkiti akan dimusnahkan secara berperingkat.

Pemusnahan babi itu dilakukan menggunakan kaedah gas CO2 (Kepekatan Tinggi) yang mengikut garis panduan Kod Amalan Kebajikan Haiwan-Pengurusan Pembuangan Haiwan.

Menurut Kon Yeow, pihaknya meminta pemilik ladang untuk bekerjasama dengan JPV dalam memastikan wabak ASF tidak merebak ke kawasan lain.

"Terdapat pemilik ladang yang dikesan enggan melaporkan kes positif ASF kepada JPV dan mereka cuba menguruskan sendiri pengurusan bangkai babi di ladang mereka.

"Perkara ini berbahaya kerana virus itu sudah berada di kawasan berkenaan, wabak ini juga tidak mempunyai sebarang vaksin dan ia boleh merebak dengan mudah," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Mohd. Shuhaily Mohd. Zain berkata, pihaknya telah menjalankan empat sekatan jalan raya bagi mengawal pergerakan masuk babi hidup dan bangkai babi di kawasan yang disahkan positif wabak tersebut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI P.PINANG | 25 |

# Penularan ASF kian meruncing

## Empat ladang lagi dijangkiti demam babi Afrika menjadikan jumlah keseluruhan 11

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI
GEORGETOWN

Penularan kes demam babi Afrika (ASF) di negeri ini semakin meruncing apabila empat buah ladang lagi disahkan dijangkiti wabak tersebut menjadikan jumlah keseluruhan adalah 11 buah.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, empat ladang tersebut adalah dua di Seberang Perai Tengah (SPT) dan dua di Seberang Perai Selatan (SPS).

Menurutnya, sehingga kini, sebanyak lebih 4,000 ekor babi yang dijangkiti telah dilupuskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) melibatkan tiga buah ladang.



KON YEOW

"Sejak pengumuman pada Jumaat lalu, JPV meneruskan kerja-kerja pensampelan, sehingga kini 11 ladang dikesan positif ASF. Hari itu, hanya tujuh namun ia bertambah empat lagi (ladang). JPV akan meneruskan lawatan ke ladang-ladang untuk kesan kes di samping menjalankan pelupusan bangkai babi.

"Kini sudah selesai mengendali pelupusan bangkai daripada tiga ladang melibatkan lebih 4,000 bangkai babi. Kita akan ke ladang yang seterusnya untuk kerja-kerja pelupusan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam 2023 di Dewan Sri Pinang di sini pada Selasa.




Anggota polis bersama petugas Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri mengawal laluan masuk ke Perkampungan Valdor berikutan kes demam babi Afrika.

Beliau berkata, pemilik ladang diminta memberi kerjasama kepada JPV untuk pelaksanaan pelupusan bangkai babi yang dijangkiti.

"Saya mohon agar semua pemilik ladang beri kerjasama demi mencegah wabak tersebut merebak ke lebih banyak ladang. Ini kerana, ada penternak cuba menguruskan bangkai babi sendiri dan tidak melaporkan kepada pihak berkuasa," katanya.

Sebelum ini, Pulau Pinang mengisytiharkan penyakit demam babi ASF sebagai bencana selepas lima lagi ladang ternak babi dijangkiti penyakit itu.

Ia menjadikan keseluruhan tujuh ladang ternak babi telah dijangkiti ASF.

Sebanyak 25,000 ekor haiwan di semua ladang berkenaan akan dimusnahkan secara berperingkat.

Dalam pada itu, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, sebanyak empat sekatan jalan raya (SJR) dijalankan iaitu satu di kawasan SPT dan tiga di SPS.

Menurutnya, SJR tersebut bagi mengawal pergerakan masuk babi hidup dan bangkai babi di kawasan yang disahkan positif wabak tersebut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# 4 lagi ladang babi kena jangkitan ASF

## JPV teruskan persampelan, minta penternak beri kerjasama

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Empat lagi ladang babi di Pulau Pinang merekodkan kes baharu jangkitan penyakit demam babi Afrika atau 'African swine fever' (ASF), menjadikan jumlah keseluruhan ladang terkesan wabak itu di negeri ini kepada 11 setakat ini.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata ladang terbabit, masing-masing dua di Seberang Perai Selatan (SPS) dan dua lagi di Seberang Perai Tengah (SPT), dengan penularan wabak itu boleh disifatkan semakin memburuk.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) masih meneruskan tugas persampelan dengan mengadakan lawatan ke ladang-ladang babi dan ketika ini menunggu keputusan ujian sebuah lagi ladang di Seberang Perai Utara (SPU) yang disyaki turut dijangkiti ASF.

"Bagi kes terbaru ini, dua ladang di Valdor, SPS berada berdekatan, iaitu sebelah menyebelah, manakala dua lagi ladang di SPT, berada jauh di antara satu sama lain dan di SPT cuma ada empat ladang babi.

"Kita minta penternak memberi kerjasama sepenuhnya kepada JPV bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dalam usaha mencegah ASF daripada menjejaskan lebih banyak ladang," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam, di sini semalam.

Kon Yeow berkata, kerja melupuskan babi di tiga ladang di Valdor, SPS selesai melibatkan kira-kira 4,000 ekor dengan kerajaan negeri turut bertindak mencari tanah bersesuaian untuk tujuan pelupusan bangkai ternakan berkenaan.

### Berbahaya jika sorok kes

